



Ruj. Kami : KLN(S).600-8/5/8 Jld.1 (11)
Tarikh : 5 Mac 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Dr./Tuan/Puan

PENCALONAN BAGI ANUGERAH ASEAN PRIZE 2024

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa pencalonan untuk anugerah *ASEAN Prize 2024* telah dibuka bermula dari **1 Mac hingga 31 Mei 2024**. Penerima *ASEAN Prize 2024* akan menerima trofi dan hadiah wang berjumlah USD20,000.

3. Untuk makluman, *ASEAN Prize* telah dilancarkan pada tahun 2018 semasa Kepengerusian ASEAN Singapura yang berperanan sebagai anugerah perdana bagi mengiktiraf sumbangan tokoh-tokoh atau institusi yang berpusat di ASEAN terhadap usaha mereka dalam pembangunan komuniti dan kemajuan serantau.

4. Oleh yang demikian, perhatian dan kerjasama kementerian/agensi adalah dipohon untuk **membuat hebahan berkenaan *ASEAN Prize* menggunakan bahan promosi dan iklan yang disertakan** bersama-sama ini. Jasa baik kementerian/agensi juga dipohon untuk mengemukakan cadangan nama individu/persatuan yang layak untuk dicalonkan bagi anugerah *ASEAN Prize 2024*. Calon-calon yang layak perlu mengemukakan dokumen-dokumen sokongan yang sah bagi mengesahkan pencapaian dan sumbangan calon dalam mempromosikan kerjasama merentas tonggak ASEAN, termasuk rancangan dan inisiatif masa depan mereka ke arah memajukan pembangunan Komuniti ASEAN.

5. Calon juga perlu mengemukakan satu *character reference* bagi menilai kesesuaian calon untuk *ASEAN Prize 2024*. Pencalonan diri sendiri dan pencalonan selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Kao Kim Hourn akan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penghakiman *ASEAN Prize* pada pertengahan bulan Jun 2024 untuk memilih pemenang bagi edisi tahun ini.

...2/-



6. Sukacita sekiranya pencalonan nama individu/persatuan bagi *ASEAN Prize* tersebut dapat dikemukakan melalui e-mel kepada sj.amira@kln.gov.my dan disalinkan kepada asccd@kln.gov.my selewat-lewatnya **30 April 2023 (Selasa)** untuk tindakan selanjutnya. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Dato'/ Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Syarifah Jamiatul Amira di talian 03-8887 4040.


7. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/ Dr./Tuan/Puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZLIMI ZAKARIA

Timbalan Ketua Pengarah

Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia (AMNS)

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Luar Negeri